

UTHM anjur majlis konvokesyen ke-12 pada 3, 4 November

BATU PAHAT – Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM) akan mengadakan Majlis Konvokesyen Kali ke-12 pada 3 hingga 4 November ini di Dewan Utama UTHM, Parit Raja, di sini.

Pada majlis konvokesyen itu, Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar, selaku Canselor UTHM dijangka akan menyempurnakan sidang pertama majlis berkenaan yang berlangsung pada jam 9 pagi, 3 November nanti.

Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mohd Noh Dalimin berkata, konvokesyen kali ini menyaksikan

2,775 siswazah menerima ijazah masing-masing merangkumi pelbagai peringkat pengajian.

Menurutnya, seramai tujuh orang akan menerima Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana (370), Sarjana Muda (2,074) dan Diploma (324).

"Konvokesyen kali ini juga akan menyaksikan penganugerahan Profesor Emeritus kepada Prof Ir Mohammad Zainal Md Yusof. Penganugerahan ini dibuat bagi menghargai sumbangan besar beliau dalam bidang pendidikan khususnya di UTHM.

"Beliau sebelum ini adalah dekan pertama Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan Pembuatan (FKMP), UTHM dan berkhidmat sebagai dekan sehingga persaraan wajib pada Mac 2006.

"Pelbagai jawatan penting telah disandang beliau seperti mentor untuk jurutera siswazah dan turut meneruskan khidmatnya sebagai profesor kontrak di UTHM ini," katanya pada sidang media Perarakan Town & Gown sempena Majlis Konvokesyen Ke-12 UTHM, semalam.

Menurut Noh lagi, sebagai Pro

Canselor UTHM, Tunku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim pula dijangka menyempurnakan sidang ketiga majlis konvokesyen yang pada 4 November.

Bagi meneruskan tradisi seperti sebelumnya, UTHM akan mengadakan perarakan konvokesyen ala 'Town n Gown' yang dilakukan di beberapa jalan utama bandar Batu Pahat bertujuan menghebahkan majlis konvokesyen bakal dilakukan.

"Beberapa aktiviti sampingan dilaksanakan semasa majlis perarakan tersebut seperti se-

namrobik, konvoi bermotosikal dan yang paling istimewa ialah perarakan beca yang didatangkan khas dari Melaka," katanya.

Noh berkata, untuk memeriahkan sambutan konvokesyen itu, UTHM akan menganjurkan Pesta Konvokesyen yang akan diadakan pada 2 hingga 7 November 2012 bertempat di Padang Kawad UTHM.

"Pelbagai acara akan dilakukan seperti Karnival Kerjaya, Bengkel Wanita Anggun dan Pertandingan Kompang Terbuka 1Malaysia," katanya.